

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Dalam kepesatan pembangunan di Pulau Pinang, wujud perkampungan nelayan tradisional di sebuah pulau yang dikenali dengan nama Pulau Aman. Pulau Aman merupakan sebuah pulau kecil yang sangat tenang.

Pulau yang seluas 116 hektar itu didiami oleh kira-kira 146 orang penduduk yang melibatkan 50 buah keluarga. Pulau ini amat menarik kerana menyimpan banyak sejarah. Ketika ini, lebih 90 peratus muka bumi Pulau Aman masih diselimuti hutan dan udaranya sungguh segar sekali. Pulau ini unik kerana tiada kereta di sini dan sangat kurang pencemaran udara.

1. Apakah nama pulau kecil yang terletak di Pulau Pinang yang disebut dalam petikan?

- a. Pulau Jerjak c. Pulau Ketam
- b. Pulau Aman d. Pulau Langkawi

2. Berapakah keluasan Pulau Aman?

- a. 50 hektar c. 116 hektar
- b. 90 hektar d. 146 hektar

4. Pulau Aman unik kerana tiada _____ di sana.

- a. Kenderaan darat c. Pencemaran udara
- b. Pencemaran air d. Kenderaan laut

5. Pilih pernyataan yang benar tentang petikan.

- a. Pulau Aman tersimpan banyak sejarah.
- b. Pulau Aman diselimuti 50 peratus hutan.
- c. Pulau Aman banyak berlaku pencemaran udara.
- d. Pulau Aman didiami oleh kira-kira 90 buah keluarga sahaja.

